

Headline	Kelestarian alam Tasik Chini terjaga		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	14 Jun 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	21	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	MYR 8,947
Frequency	Daily	PR Value	MYR 26,841



Kelestarian alam Tasik Chini terjaga

Kuantan: Kerajaan negeri Pahang dan Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) sentiasa konsisten ke arah memulihara dan memelihara kelestarian alam sekitar di Tasik Chini, Pekan.

Berdasarkan laporan PPTC, Tasik Chini Rizab Biosfera (TCRB) di bawah Program *Man and Biosphere Unesco* diiktiraf pada Mei 2009 sebagai kawasan Rizab Biosfera pertama di Malaysia berlandaskan tiga teras utama.

“Tiga teras itu ialah pemuliharaan daripada aspek ekosistem, landskap, spesies dan kepelbagaian genetik; sokongan logistik termasuk aktiviti penyelidikan, pemantauan serta pembelajaran dan pembangunan merujuk kepada pembangunan ekonomi setempat dan pembangunan modal insan.

“Bagi menyokong dan menjayakan tiga teras utama ini, TCRB dibahagikan kepada tiga zon iaitu Zon Teras, Zon Penampakan dan Zon Per-



Penubuhan PPTC adalah khusus untuk menjalankan penyelidikan, pengajaran, kerja lapangan, kesedaran alam sekitar dan penyebaran maklumat pengurusan tasik secara bersepadu”

PPTC

alihan iaitu kawasan yang mempunyai fungsi berbeza.

“Penubuhan PPTC adalah khusus untuk menjalankan penyelidikan, pengajaran, kerja lapangan, kesedaran alam sekitar dan penyebaran maklumat pengurusan tasik secara bersepadu,” katanya menerusi laporan dikeluarkan PPTC, semalam.

Laporan itu menjelaskan kerajaan negeri memperun-

tukkan tanah seluas 8.1 hektar di pinggir Tasik Chini yang dijadikan makmal alami (*living laboratory*) bagi menjalankan penyelidikan dan pembelajaran selain membantu dalam usaha pemuliharaan, pemeliharaan serta kelestariannya.

Menurut laporan itu, hubungan antara kerajaan Pahang dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan penubuhan PPTC sejajar keperluan pelaksanaan dasar yang terkandung di bawah Rancangan Struktur Negeri Pahang 2050.

Katanya, ia juga termasuk dalam Rancangan Khas Kawasan Tasik Chini 2018 ke arah pembangunan mampan dan pemuliharaan Tasik Chini sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

“UKM melalui PPTC memberi komitmen tinggi kepada kerajaan Pahang dalam bentuk penyediaan kepakaran dan kewangan demi usaha pemuliharaan melalui penyediaan Pelan Pe-

laksanaan Strategik bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) yang digunakan dalam Rancangan Khas Kawasan Tasik Chini.

“Selain itu, pembinaan stesen *real-time monitoring* ke atas kualiti air di sungai pembekal di Tasik Chini dapat membantu dalam aspek pemantauan kualiti air dengan lebih berkesan.

“Beberapa projek pemuliharaan dijalankan bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Jabatan Perikanan Negeri Pahang, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Pahang serta Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM).

“Antara projek pitu termasuk aktiviti penanaman semula hutan, pembinaan nurseri ikan serta pelepasan ikan bagi penambahan sumber perikanan air tawar, pemulihan tebing Sungai Chini,” katanya.